

05 NOV 1997

DPMM PERAK SOKONG USAHA KERAJAAN TANGANI KEGAWATAN PASARAN

IPOH, 5 Nov (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Perak (DPMM Perak) menyokong sepenuhnya langkah-langkah yang diambil oleh perdana menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menangani kegawatan pasaran saham dan pasaran mata wang.

Dewan itu juga menyokong gesaan Dr Mahathir supaya diadakan sistem yang adil dan saksama dalam urus niaga mata wang, dengan peraturan yang adil bagi semua pihak.

Presiden dewan tersebut, Datuk Mohd Hamdan Hazizi berkata: "Inilah masanya untuk kita mempamerkan ketahanan dan keutuhan kita... untuk terus mengukuhkan perangkaan serta berpadu tenaga bagi mempertingkatkan lagi perkembangan ekonomi di rantau ini."

Beliau berkata demikian di mesyuarat Majlis Perniagaan Bersama yang keenam Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) pada majlis makan malam semalam yang dihadiri oleh Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Mohd Hamdan berkata sebagai tanda sokongan terhadap usaha kerajaan, majlis perniagaan itu telah bersetuju mulai mesyuarat akan datang, pembayaran untuk pendaftaran akan dibuat dalam mata wang negara tuan rumah dan bukannya dalam dolar Amerika seperti yang diamalkan ketika ini.

Keputusan tersebut telah dibuat semalam di pra-mesyuarat jawatankuasa eksekutif majlis perniagaan bersama.

Thailand akan menjadi tuan rumah mesyuarat Majlis Perniagaan Bersama IMT-GT akan datang yang akan diadakan di Yala.

Kawasan Segitiga Pertumbuhan meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak; wilayah selatan Songkhla, Narathiwat, Satun, Yala dan Pattani di Thailand; dan wilayah Indonesian barat laut dan selatan Sumatera, Aceh dan Riau.

Mohd Hamdan juga menggesa masyarakat peniaga supaya meninjau peluang perniagaan IMT-GT untuk jangka sederhana ke jangka panjang dan dengan kelebihan ekonomi yang saling bantu membantu, komitmen politik dan pembangunan prasarana.

"Sektor swasta tidak seharusnya menganggap rangkaian ini sebagai peristiwa bermusim tetapi sebaliknya sebagai hubungan dinamis dan aktif yang sering dijalankan di kalangan ahli perniagaan di rantau ini," katanya sambil menambah bahawa ahli perniagaan mestilah sering bertemu dan tidak seharusnya berfungsi secara ad-hoc.

Ramli pula berkata ahli perniagaan dari negara anggota harus mengambil kesempatan daripada peluang yang ada di dalam perkumpulan itu sambil menyatakan Indonesia boleh menyediakan tenaga manusia dan kawasan tanah yang luas dan murah untuk projek berasaskan pertanian dan perindustrian.

Thailand pula, di samping bekalan pekerja, bolehlah menyediakan kelengkapan dan kemahiran yang diperlukan dalam sektor pertanian, manakala Malaysia boleh menyediakan kemahiran pengurusan dan teknologi, serta pelaburan modal. -- BERNAMA

ZMY/HK MA